

## Ustazah manfaat pelbagai aplikasi pendidikan canggih

INGIN terus menyediakan persekitaran pembelajaran dalam talian yang lebih menarik dan interaktif.

Itulah matlamat Ustazah Lina Sakina Salim sejak menyediakan pembelajaran sedemikian kepada murid-muridnya yang berusia sekitar 13 hingga 17 tahun.

Untuk terus menarik minat mereka, beliau turut memanfaatkan aplikasi pendidikan canggih seperti *Padlet*, *Jamboard*, *Kahoot*, *Mentimeter* dan banyak lagi.

Ustazah Lina Sakina memberitahu *Berita Harian* bahawa beliau mengajar di bawah program aLIVE dan mengaji Iqra dan Al-Quran di tiga masjid tempatan – Masjid Al-Ansar, Masjid Al-Mawaddah dan Masjid Yusof Ishak.

Ini semua mampu dilakukan dengan gigih oleh ibu dua anak kecil ini meskipun beliau menetap di Taman Perling, Johor Bahru.

Sejak mendirikan rumah tangga pada 2015, warga Singapura ini telah menetap di Malaysia dan kerap berulang-alik setiap hari di antara kedua negara, sebelum penutupan sempadan dan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan Malaysia tahun lalu.

Menurut Ustazah Lina Sakina, 29 tahun, kali terakhir beliau ke Singapura pada awal tahun lalu, dan sejak itu, semua kelas ukhrawi kendalian beliau diadakan dalam maya, sesuai dengan norma baru.

### IKUTI KULIAH SARJANA DI NUS

Bukan itu sahaja, biarpun sibuk dengan tugas dan keluarga, Ustazah Lina Sakina masih mampu meluangkan masa dan tekun mempertingkatkan dirinya. Beliau kini sedang mengikuti kuliah Sarjana di Jabatan Pengajian Asia Tenggara Fakulti Sastera dan Sains Sosial di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan dijangka tamat pengajian pada 2022.

“Sejak pembelajaran dalam talian bermula pada Mac tahun lalu, saya selalu memastikan kelas yang diadakan tidak membosankan pelajar. Ini kerana tempoh tiga jam agak panjang, jadi gaya penyampaian dan intonasi saya perlu menarik agar dapat terus mengekalkan perhatian mereka.

“Bukan itu saja, walaupun saya mengajar mengikut kurikulum yang disediakan oleh pihak aLIVE serta ba-



**USTAZAH LINA SAKINA SALIM:** Gunakan aplikasi pendidikan tambahan yang lain demi menjadikan pembelajaran dalam talian lebih interaktif dan kekal menarik. Beliau mengajar di bawah program aLIVE dan mengaji di tiga masjid tempatan. – Foto Ihsan LINA SAKINA SALIM

han-bahan dari kelas mengaji disediakan oleh pihak masjid, saya tetap menggunakan pelbagai aplikasi tambahan seperti *Padlet*, *Jamboard* dan pelbagai lagi demi memastikan pembelajaran dalam talian ini lebih interaktif dan kekal menarik untuk semua,” jelas lulusan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) jurusan Usuluddin dan Perbandingan Agama ini.

### CABARAN TINGGAL JAUH DAN TERUS TUNTUT ILMU

Berkongsi kehidupannya yang jauh dari keluarga di Singapura, Ustazah Lina Sakina memberitahu *Berita Harian* (BH), pada awalnya kehidupannya agak payah dan sedikit merumitkan tanpa bantuan ibunya, Cik Hidayatun Dasuki, 57 tahun, yang turut menjaga anak-anaknya ketika beliau perlu keluar bekerja.

Ibu Ustazah Lina Sakina menetap di sini bersama ahli keluarga yang lain.

Di samping itu, beliau juga turut lega kerana kelas di NUS juga turut diadakan dalam talian untuk dua semester pertama ini.

“Susah juga apabila keluarga tiada di sisi, terutama

“Sejak pembelajaran dalam talian bermula pada Mac tahun lalu, saya selalu memastikan kelas yang diadakan tidak membosankan pelajar.

Ini kerana tempoh tiga jam agak panjang, jadi gaya penyampaian dan intonasi saya perlu menarik agar dapat terus mengekalkan perhatian mereka.

– Ustazah Lina Sakina Salim.

ibu saya. Ibulah yang banyak membantu menjaga anak-anak apabila saya harus keluar bekerja.

“Sebelum pandemik melanda, kami sekeluarga keluar masuk Singapura-Johor Bahru setiap hari. Kadang-kala saya akan berada sehingga dua minggu di Singapura, dan dua minggu lagi di Johor Bahru. Singapura sangat-sangat dekat di hati saya kerana ramai kawan rapat dan keluarga semuanya di sana.

“Namun, segalanya telah berubah. Mujur juga ada keluarga suami yang tinggal di Pontian, boleh juga kami balik kampung.

“Kini saya reda dan sudah boleh disesuaikan dengan keadaan dan tetap bersyukur kerana pembelajaran bersama murid-murid tetap berjalan lancar, meskipun saya jauh dari mereka.

“Alhamdulillah, pengajian di NUS juga turut diadakan secara *online* pada waktu ini dan ini juga amat membantu kelangsungan pembelajaran saya,” jelas rekan di Pusat Harmoni ini lagi.